

PENGURUSAN HAL EHWAL MURID: SUATU ANALISIS SISTEM
MAKLUMAT DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI PERLIS

MOHAMAD NASEER BIN ZAINOL

105044



105044

UNIVERSITI MALAYA

2001

Abstrak

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Suleiman, Tunjong, Beseri, Perlis. Skop kajian hanya merujuk kepada pengurusan hal ehwal murid seperti pendaftaran pelajar ,disiplin, bimbingan dan kaunseling, Skim Pinjaman Buku Teks, aktiviti kokurikulum, keselamatan dan kesihatan, biasiswa dan asrama.

Proses penyimpanan, dokumentasi dan yang paling penting iaitu pemerolehan merupakan masalah yang paling ketara dihadapi dalam sistem pengurusan sedia ada yang banyak bergantung kepada penggunaan borang dan sering kali menimbulkan masalah. Borang-borang yang digunakan pula, sering kali berubah-rubah dan tidak boleh diaplikasikan untuk kegunaan dalaman dan lebih bersifat pungutan data untuk kegunaan pihak berkaitan seperti Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Amalan dalam pengurusan hal ehwal murid di sekolah-sekolah menengah tidak '*standard*' antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Kajian ini ingin melihat dengan lebih mendalam amalan kini dan cuba menganalisis sistem pengurusan hal ehwal murid sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat.